PERNYATAAN 2'2'2'
(I)

DARIPADA SYED IMRAN ALSAGOF
1984

KARACHI, 26 MAC (BERNAMA)--MALAYSIA DAN PAKISTAN BIMBANG TERHADAP KEADAAN ANTARABANGSA YANG SEMAKIN BURUK DAN KECENDERUNGAN YANG SEMAKIN MENINGKAT DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA, TERUTAMA KUASA-KUASA BESAR UNTUK CAMPUR TANGAN DAN MENGGUNAKAN KEKERASAN.

DEMIKIAN DITEGASKAN HARI INI OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN PRESIDEN ZIA UL-HAQ DALAM PERNYATAAN BERSAMA PADA AKHIR LAWATAN RASMI DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAMA LIMA HARI KE PAKISTAN.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU JUGA MENYATAKAN KEBIMBANGAN MASING-MASING TERHADAP PERLUMBAAN SENJATA YANG SEMAKIN MEMUNCAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PRESIDEN ZIA MENYERU SEMUA NEGARA BEKERJASAMA DALAM USAHA-USAHA ANTARABANGSA KE ARAH PERLUCUTAN SENJATA YANG MENYELURUH TERUTAMA BAGI SENJATA NUKLEAR DI BAWAH PENGAWASAN ANTARABANGSA YANG BERKESAN.

MEREKA JUGA MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA DIWUJUDKAN JAMINAN ANTARABANGSA YANG BERKESAN BAGI MENCEGAH ANCAMAN SENJATA NUKLEAR TERHADAP NEGARA-NEGARA BUKAN NUKLEAR.--LAGI 1244/HM

PERNYATAAN, 2KARACHI

KEDUA-DUA PIHAK MENYAYAKAN SOKONGAN MASING-MASING BAGI MEWUJUDKAN KAWASAN BEBAS DARIPADA SENJATA NUKLEAR DI ASIA SELATAN DAN KAWASAN-KAWASAN LAIN DI DUNLA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PRESIDEN ZIA MEMANDANG BERAT KEADAAN EKONOMI DUNIA DAN MENGULANGI AZAM MASING-MASING UNYUK MEWUJUDKAN PERATURAN BARU EKONOMI ANYARABANGSA..

MEREKA BERSETUJU EAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MESTILAH MENCARI CORAK EARU BAGI PERHUBUNGAN DI KALANGAN MEREKA MENURUY SEMANGAT KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

MENGENAI ISLAM, KEDUA-DWA PEMIMPIN PYU BERIKRAR AKAN SENTLASA BERUSAHA MENGUKUHKAN LAGI PERANAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) DAN MENINGKATKAN KERJASAMA BAGI FAEDAH BERSAMA DALAM SEMUA LAPANGAN.

KEDUA-DUA NEGARA INI MENGALU-ALUKAN PENYERYAAN SEMULA MESIR DALAM PERTUBUHAN ITU BERIKUTAN SIDANG KEMUNCAK DI CASABALANCA DAN BERHARAP MESIR AKAN MEMAINKAN PERANA CERGAS SEBAGAI ANGGOTA PENUH PERTUBUHAN ITU.--LAGI 1247/HM

ZCZC B535

PERNYAYAAN 3 KARACHI

MENGENAI ASIA BARAT, DATUK SERI DR. MAHAYHIR DAN PRESIDEN ZIA MENGUTUK PENCEROBOHAN ISRAEL TERHADAP RAKYAT ARAB DAN PALESTIN DA N
DASAR PERLUASANNYA YANG DENGAN SEWNANG-WENANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN RESO[illegible]I-RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU.

MEREKA MENEKANKAN BAHAWA PERDAMAIAN YANG ADIL DAN BERKEKALAN DI ASIA BARAT HANYA BOLEH DICAPAI SETELAH ISRAEL BERUNDUR SEPENUHNYA TANPA SYARAY DARI SEMUA WILAYAH ARAB YANG DIDUDUKINYA TERMASUK AL-QUDS AL-SHARIFF (BAITULMUQADDIS) DAN SETELAH HAK-HAK REKKYAT ISRAEL YANG SAH DAN TIDAK BOLEH DIBELAH-BAGI ITU DIKEMBALIKAN KEPADA MEREKA.

MEREKA JUGA BERSETUJU BAHAWA USAHA-USAHA YAHUDI UNTUK MENGUBAH TARAF BAITULMAKDIS TELAH MELANGGAR RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU YANG BERKENAAN DAN WNDANG-UNDANG ANTARABANGSA.

KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU MENGUTUK SEBARANG LANGKAH UNTUK MEMINDAHKAN PEJABAT-PEJABAT KEDUYAAN DARL YEL AVIV KE BAITULMUQADDIS DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI MENCERMINKAN KERELAAN PIHAK-PIHAK OERKENAAN YERHADAP PENGAMBILAN WILAYAH SECARA PAKSA.

PERNYATAAN 4 KARACHI

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PRESIDEN ZIA JUGA MENGUTUK PEN-CEROBOHAN YAHUDI DI LUBNAN DAN PENDUDUKAN MEREKA DI BEBERAPA BAHAGIAN NEGARA ITU.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU MENYOKONG PENUH KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DAN PERPUASHATI DENGAN SOKONGAN MASYARAKAT ANTARABANGSA YANG SEMAKIN KUAT KEPADA PKERAJAAN PRESIDEN NORODOM SIHANOUK.--BERNAMA 1355/HM